

KONSEP IDEOLOGI MODEN DAN SEJARAHNYA: SATU PENGENALAN

THE CONCEPT OF MODERN IDEOLOGY AND ITS HISTORY: AN INTRODUCTION

Ahmad Mujahideen Haji Yusoff ¹
Muhammad Nasron Yaacob ²
Noraini Mohd Noor ³

¹ Jabatan Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia, (E-mail: mujahideen@kias.edu.my)

² Jabatan Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia, (E-mail: nasron@kias.edu.my)

³ Pusat Khidmat Akademik, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia, (E-mail: noraini@kias.edu.my)

Article history

Received date : 5-11-2020

Revised date : 6-11-2020

Accepted date : 31-1-2021

Published date : 25-3-2021

To cite this document:

Haji Yusoff, A. M., Yaacob, M. N., & Mohd Noor, N. (2021). Konsep Ideologi Moden Dan Sejarahnya: Satu Pengenalan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(35), 9 - 16.

Abstrak: *Ideologi merupakan fahaman atau pegangan yang tercetus daripada pemikiran dan pengetahuan masyarakat. Ideologi moden mula berkembang dengan pesat semasa zaman Renaissance. Sejak itu, umat Islam mula berdepan dengan ancaman ideologi moden dalam menggugat keyakinan terhadap Islam. Namun kemunculan ideologi moden ini masih kurang diketahui khususnya oleh umat Islam sendiri. Oleh itu, artikel ini membincangkan konsep ideologi moden dan sejarahnya yang merupakan suatu keperluan untuk diketahui pada masa kini. Artikel ini berbentuk kualitatif sepenuhnya yang menggunakan metode pengumpulan data dan penganalisisan data yang melibatkan kaedah kepustakaan dari bahan-bahan bercetak dengan menggunakan perisian N-Vivo 2.0. Artikel ini mendapati bahawa ideologi moden merupakan fahaman ciptaan Barat yang boleh membawa satu ancaman besar terhadap kepercayaan umat Islam. Sejarah telah membuktikan bahawa Barat telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memesongkan umat Islam daripada ajaran Islam yang sebenar melalui tiga peringkat iaitu peringkat kelahiran, peringkat kematangan dan peringkat penjarahan. Justeru, umat Islam seharusnya menyedari hakikat ini agar dapat mengelakkan diri dari terpedaya dengan ideologi moden yang telah diperkenalkan oleh Barat agar kepercayaan umat Islam terus terpelihara.*

Kata Kunci: *Ideologi Moden, Sejarah*

Abstract: *Ideology is a creed or belief that arises from the thought and knowledge of society. Modern ideology began to flourish during the Renaissance. Since then, Muslims began to face the threat of modern ideology in undermining their belief towards Islam. However, the emergence of this modern ideology is rather unknown, especially by Muslims themselves. Therefore, this article discussed the concept of modern ideology and its history since the knowledge of this ideology is necessary. This article applied a qualitative design as a method for collection and analysis of data involving literature studies from printed materials using N-Vivo 2.0 software. This article found that modern ideology is a western invention that can pose a great threat to the beliefs of Muslims. History has shown that the West has worked diligently to divert Muslims from the teachings of Islam through three stages, namely during the stage of birth, the stage of maturity and the stage of plunder. Therefore, Muslims should be aware of this fact in order to avoid themselves from being deceived by the modern ideology that has been introduced by the West so that the faith of Muslims will continue to be retained.*

Keywords: *Modern Ideology, History*

Pengenalan

Kemunculan pelbagai ideologi moden pada masa kini menjadi suatu masalah besar yang meragut jati diri umat Islam. Menurut Mohd Aderi & Engku Zarihan (2017), penularan ideologi moden merupakan satu ancaman yang sedang menular dan menjadi barah jika tidak dibendung dari sekarang. Sejak dahulu hingga sekarang umat Islam terpaksa berdepan dengan ancaman ideologi moden yang semakin mengikis akidah dan kepercayaan umat Islam. Ancaman yang berterusan ini secara tradisinya akan berjaya menggugat kepercayaan dan pegangan umat Islam terhadap Islam itu sendiri. Penyisihan agama Islam daripada kehidupan manusia sudah lama berlaku kepada umat manusia sebelum ini. Malah tujuan para rasul diutuskan kepada manusia adalah kerana manusia menyisihkan agama Allah SWT dari menjadi panduan kepada kehidupan mereka. Kemasukan pengaruh ideologi-ideologi moden dalam kalangan umat Islam hari ini telah memberikan ancaman yang serius terhadap pegangan umat Islam. Hal ini telah dijelaskan oleh firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 217 yang bermaksud:

“Mereka tidak henti-henti memerangi kamu sampai mereka (dapat) mengembalikan kamu dari agamamu (kepada kekafiran)”

Metodologi Kajian

Artikel ini merupakan sebuah kajian yang berbentuk kualitatif sepenuhnya. Kajian ini menggunakan metode pengumpulan data dan penganalisan. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan kerana menggunakan bahan-bahan bercetak dalam proses pengumpulan data dan penganalisan data dengan menggunakan perisian N-Vivo 2.0.

Keperluan Mengenali Ideologi Moden

Setiap Muslim bertanggungjawab menjaga kehidupan mereka dari ancaman ideologi dan pemikiran yang menyesatkan. Hati akan rosak jika pemikiran rosak kerana ia akan mengakibatkan akhlak dan tingkah laku yang salah. Mengetahui dan memahami agen perosak itu akan menjadikan seseorang itu tahu untuk berwaspada dan bertindak mempertahankan diri. Huzaifah bin al-Yamani RA menyatakan dalam sebuah hadis Nabi SAW yang bermaksud (al-Bukhari, 2016):

“Orang kebanyakan menanyakan Rasulullah SAW tentang kebaikan, sedangkan aku menanyakan baginda tentang kejahatan kerana bimbang terjebak dengannya”.

Al-Nadawi (2016) menyebutkan kata-kata Umar bin al-Khattab RA mengenai kepentingan sikap peka terhadap acaman kejahatan:

“Perkara yang meleraikan ikatan Islam satu persatu ialah seseorang yang lahir dalam Islam tetapi tidak tahu tentang jahiliyah”.

Al-Muqaddam (2015) ada menyebut bahawa seorang penyair pernah menyebutkan tentang keperluan berwaspada dengan perkara yang merosakkan:

*“Aku tahu kejahatan tidak untuk kejahatan tetapi untuk mencegahnya ##
Dan sesiapa yang tidak mengenali kejahatan, biasanya terlibat dengannya”.*

Melihat perkembangan globalisasi hari ini, dunia sudah tidak lagi mempunyai sempadan. Golongan yang kuat akan mengatasi golongan yang lemah. Hari ini Amerika, Zionis dan Barat adalah penguasa dunia, sedangkan yang lemah ialah negara-negara membangun dan negara dunia ketiga yang antaranya adalah daripada kalangan umat Islam. Oleh kerana itu, perlu difahami bahawa ideologi moden merupakan salah satu ancaman bagi umat Islam seluruh dunia yang akan terus melemahkan mereka kerana mereka sendiri yang meninggalkan agama.

Pengenalan Ideologi Moden

Noresah (2010) menjelaskan bahawa perkataan ideologi berasal dari bahasa Greek yang terdiri dari dua perkataan iaitu idea dan logos. Idea bererti buah fikiran dan logos pula bermaksud kaedah. Ideologi bermaksud faham yang dipakai atau yang dicita-citakan untuk dasar pemerintahan dan lain-lain. Moden pula bermaksud masa kini dan mutakhir. Ensiklopedia Brittanica (2010) pula mendefinisikan ideologi sebagai salah satu item yang membentuk keperluan mental dan jasmani individu yang membentuk sesebuah masyarakat serta meliputi permasalahan politik, sosial, ekonomi dan perkara yang bersangkutan paut dengan sejarah dan sosio-geografi manusia. Menurut Zakaria (2015) menakrifkan ideologi sebagai segala fahaman dan isme yang dicipta oleh Barat dan disebar ke dalam negara umat Islam melalui penjajahan. Adapun Sulaiman (2011) menyatakan bahawa ideologi moden bermaksud fahaman-fahaman yang baharu lahir terutama semasa zaman Renaissance di Eropah bermula kurun ke-14 dan berada di kemuncak pada kurun ke-18 dan 19. Manakala Noresah (2010) menyatakan bahawa ideologi moden juga dirujuk pada istilah isme (ism) yang bererti kepercayaan, gerakan politik atau keagamaan dan juga sikap serta perlakuan.

Kelahiran ideologi moden sangat berkait rapat dengan zaman renaissance selepas sekian lama Eropah berada dalam zaman kegelapan (Dark Age). Keistimewaan zaman Renaissance ialah memberi lebih peluang kebebasan bagi individu dari segi agama, penulisan, kebudayaan serta kesedaran dan pencapaian yang cemerlang dalam sastera dan sains (Sulaiman, 2013). Dengan kebebasan tanpa pertimbangan agama ini, akal telah memainkan peranan sebebaskan-bebasnya sehingga lahir ideologi-ideologi moden yang menggantikan agama sebagai penentu hala tuju kehidupan.

Menurut Sulaiman (2013) lagi, beliau menyebut bahawa sepanjang perjalanannya, Eropah telah mengalami tiga zaman iaitu zaman klasik (The Classical Period) yang berlaku

sebelum abad ke-5M, kemudian zaman pertengahan (The Middle Ages) yang berlangsung pada abad ke-5M sehingga abad ke-17M dan zaman moden (The Modern Era) yang berlangsung pada abad ke-18M sehingga kini. Zaman pertengahan mengandungi zaman kegelapan (The Dark Ages) yang diselangi dengan zaman Renaissance dan zaman pencerahan (The Age of Enlightenment) sebelum memasuki zaman moden. The Dark Ages berlangsung sejak abad ke-5 sehingga abad ke-14 dan diikuti zaman Renaissance dan zaman pencerahan (The Age of Enlightenment) sehingga abad ke-17 sebelum memasuki zaman moden pada abad ke-18 dan 19.

Menurut al-Makin (2015), zaman moden Barat mula berlangsung pada abad ke-18M. Ia dianggap satu dunia baru yang penuh dengan kemajuan dan kemodenan sejagat. Pada era ini, Barat telah berjaya keluar dari belenggu zaman kegelapan yang pernah dilalui sebelum ini. Revolusi-revolusi rakyat di Barat yang tercetus pada abad tersebut dikira sebagai langkah awal pada era moden Eropah. Di antara tokoh zaman moden yang membawakan inspirasi moden ialah pejuang sosialisme Robert Owen (1771-1858), pejuang humanisme Auguste Comte (1798-1857), pejuang komunisme Karl Marx (1818-1883) dan pejuang pluralisme John Hick (1922-2012). Hasil revolusi tersebut mencetuskan keajaiban ekonomi yang meluaskan pengaruh ekonomi dan politik Barat terhadap dunia. Semua ini tercetus hasil daripada ledakan ideologi moden yang diperjuangkan sebelum era moden itu.

Menurut Mohd Fikri (2017), era pemodenan di Barat telah berjaya memisahkan agama dari menjadi sumber kebergantungan hidup masyarakat Eropah. Pemisahan itu berlaku melalui praktikal Barat dengan ideologi moden seperti sekularisme, liberalisme, materialisme dan humanisme. Hasil pemisahan dan proses idealisasi itu telah menghasilkan suatu keajaiban ekonomi bagi dunia Barat yang disebut sebagai The Great Divergence dan The European Miracle. Barat membawakan dua situasi dan kemegahan ini dalam pakej satu dunia baharu atau The New Order. Dunia baharu ini kemudiannya diiktiraf oleh masyarakat dunia sebagai satu kemajuan yang tiada tara dan abadi. Faktor kekuatan imperialisme Barat dan kemiskinan negara dunia ketiga yang sebahagiannya adalah kalangan negara umat Islam telah menjadikan pakej dunia baharu itu suatu teladan kemajuan dan kemodenan. Keuntungan Barat pada kempen ini disemarakkan lagi melalui kempen globalisasi pada kurun ke-21. Tujuannya untuk memastikan kelestarian dunia moden Barat dalam kalangan negara umat Islam seluruh dunia. Maka selama itulah juga umat Islam tidak akan mampu mengembalikan kedaulatan kerajaan Islam pada zaman gemilang tamadun Islam semasa menjadi pemimpin dunia suatu masa dahulu.

Kronologi Serangan Ideologi Moden

Menurut Mohd Yusri (2019), serangan ideologi moden ini melanda pemikiran umat Islam di kebanyakan negara Islam setelah berakhirnya fasa penjajahan Barat di dunia Islam. Hasil daripada penjajahan Barat dalam dunia Islam telah melahirkan pelbagai fahaman terbuka yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam yang luhur dan murni seperti sekularisme, liberalisme, materialistik dan feminisme yang menafikan kewujudan sistem Islam dalam mengatur kehidupan ummah. Serangan pemikiran dan ideologi moden oleh Barat terhadap umat Islam sebenarnya sudah lama berlangsung. Hal ini dapat dilihat dalam tiga peringkat seperti berikut:

i. Peringkat Kelahiran

Kesudahan perang salib VII (1297M) menyaksikan kekalahan Barat kepada tentera Islam di timur. Barat tahu mereka tidak mampu menewaskan tentera Islam secara ketenteraan. Faktor mereka tewas perang bukan semata-mata kerana kekuatan ketenteraan Islam, tetapi juga kerana kekuatan spiritual dan akidah umat Islam. Justeru itu Barat mula membuat kajian tentang tamadun umat Islam bertujuan mencari unsur-unsur kelemahan yang boleh dimanipulasikan untuk kepentingan mereka. Gerakan ini dikenali sebagai orientalisme. Justeru, usaha memperkasakan orientalisme ditampung sendiri oleh gereja dan para pemerintah Barat. Tenaga kerja orientalisme juga adalah daripada kalangan paderi dan agamawan Kristian fahaman Katolik dan Protestan (Abdul Malik, 2017).

Menurut Mahmud (2001), para sejarawan berselisih pandangan mengenai waktu tepat kelahiran dan kemunculan orientalisme. Antaranya ialah kelahiran orientalisme semasa Resolusi Persefahaman Perhimpunan Gereja di Vienna pada tahun 1312M yang mencadangkan penubuhan jabatan-jabatan Bahasa Arab di beberapa universiti di Eropah. Menurut al-'Aqiqi (2017), ada yang berpendapat kelahirannya ialah pada abad ke-11, ada yang berpendapat abad ke-12, malah ia dikatakan lebih awal iaitu pada abad ke-10 sekitar tahun 940M.

Jika dilihat pada usaha-usaha orientalis, ia sudah diusahakan oleh Barat sejak abad ke-10 lagi. Mereka menterjemahkan buku-buku berbahasa Arab dalam bidang ilmu alam, matematik, bahasa Arab dan kesusasteraannya. Antara orang yang aktif menterjemahkan ialah Paus Silvester II (999-1003M). Selain itu mereka juga mengkaji dan menguasai bahasa lain seperti Ibrani dan Turki. Andalusia (Sepanyol) menjadi tumpuan pengajian ilmu-ilmu timur oleh para penuntut Barat sehingga berjaya menguasainya dan menterjemahkannya ke bahasa Latin (Hasan, 2013).

Selain itu, ada juga pendapat menyatakan ia lahir semasa pemerintahan Kerajaan Umawiyah pada kurun ke-2H di Syam oleh John of Damascus. Walaupun banyak pendapat tentang kelahiran orientalisme namun ia secara hakikatnya digerakkan atas dasar agama dengan matlamat membekalkan maklumat kajian kepada gerakan penjajahan dan kristianisasi. Kristianisasi pula menubuhkan sekolah-sekolahnya di Syria pada awal kurun 13M dan menekankan pengajian bahasa Arab dan pengajian Islam bagi tujuan yang sama dengan orientalisme. Dalam sejarah kristianisasi, tokoh awalnya ialah Raymond Lull (1232-1316M) yang juga merupakan seorang teologis dan penyair. Dia gigih mempropagandakan kristianisasi dan pemurtadan umat Islam di Andalusia dan Afrika Utara semasa Kerajaan Islam Andalusia masih lagi wujud, terutama selepas kekalahan tentera salib di tangan umat Islam (al-Juhani, 1418H).

Menurut Abdul Karim (2013), tiga asas dakwah yang ditekankan oleh Raymond Lull kepada para misioneri ialah keperluan memahami bahasa Arab secara komprehensif, mempelajari bahan-bahan rujukan ilmu Islam bagi tujuan berhujah dan bersedia untuk berkorban. Menurut al-Juhani (1418H), gerakan kristianisasi yang tersusun bermula dengan siri penjajahan ke atas negara-negara umat Islam oleh Sepanyol dan Portugis melalui Perjanjian Tordesillas pada 7 Jun 1494. Ia ditaja oleh ketua agama Kristian waktu itu Pope Alexander VI yang membahagikan batas penjajahan kepada Sepanyol dan Portugis dengan slogan; gold, glory and gospel (kekayaan, kemegahan dan penyebaran ajaran Bible). Matlamat kristianisasi tidak semestinya memaksa umat Islam menganuti agama Kristian, tetapi memadai jika umat Islam

berjaya dijauhkan daripada ajaran agama Islam yang sebenar. Di peringkat ini penyebaran ideologi moden belum ketara kerana hasil kajian orientalisme dan kristianisasi masih muda.

ii. Peringkat Kematangan

Era ini ialah sebelum kurun ke-20, aktiviti penjajahan Barat amat pesat melanda dunia umat Islam. Gerakan orientalisme dan kristianisasi sudah membekalkan penjajahan dengan kelengkapan maklumat tentang dunia umat Islam yang sangat mencukupi. Perancis, Itali, Inggeris dan seumpamanya di antara kolonialis baru menggantikan Portugis dan Sepanyol yang pernah menjadi kolonialis pada abad yang lalu. Serentak dengan dasar kolonialisme ini, antara perubahan utama yang dilakukan ke atas negara-negara umat Islam ialah pemansuhan perundangan Islam dan digantikan dengan undang-undang sivil yang dibawa oleh penjajah (al-Juhani, 1418H).

Menurut A. Muin (2012), Barat juga mula mengajarkan umat Islam tentang corak berfikir cara humanisme, sekularisme, nasionalisme dan lain-lain lagi. Penyebaran idealisme-idealisme ini dibawa dalam perancangan dan kerangka penjajahan Barat dan gerakan kristianisasi yang bijak mengambil kesempatan terhadap masyarakat Islam yang bermasalah. Peranan orientalisme juga tidak ketinggalan dalam hal ini. Antara usaha mereka, pembinaan sekolah-sekolah untuk pendidikan anak-anak muda umat Islam. Mereka diajar tentang budaya dan cara fikir Barat agar mereka pula menyebarkannya kepada masyarakat awam. Orientalisme juga giat menerbitkan ensiklopedia, buku-buku, jurnal-jurnal dan majalah-majalah yang menzahirkan kredibiliti pemikiran mereka berdasarkan logikal. Antaranya Ensiklopedia of Islam yang diterjemahkan ke bahasa Perancis, Turki dan Arab. Begitu juga Jurnal *Asiatique*, *The Muslim World*, *Islamica*, *Bijdragen* dan lain-lain lagi.

iii. Peringkat Penjarahan

Menurut al-Qaradhawi (2000), abad ke-20 sehingga abad ke-21 pula menyaksikan kemunculan gelombang dunia baru yang dicetuskan oleh Amerika Syarikat atas nama Globalization. Globalisasi (dalam bahasa Arab disebut al-‘awlamah) memperkenalkan konsep dunia tanpa sempadan yang secara tidak langsung akan membawa bersamanya ideologi Barat kepada umat Islam dalam aspek politik, ekonomi, budaya dan agama. Oleh kerana itu al-Qaradhawi (2000) menjenamakan proses globalisasi sebagai satu penjajahan baru dan moden yang merupakan kesinambungan penjajahan-penjajahan Barat yang lalu. Justeru, amat nyata sekali bahawa komponen ideologi moden adalah sebenarnya suatu serangan pemikiran yang menjajah umat Islam agar beriman dengannya dan menjarah akidah dan kepercayaan serta pemikiran Islam yang sebenar. Kalau abad ke-18 dan 19 menyaksikan Barat aktif dengan penjajahan, maka abad ke-20 dan 21 menyaksikan mereka (termasuk Amerika dan Zionis) aktif dengan penjarahan. Menurut Noresah (2010), penjajahan ialah perbuatan menakluk dan memerintah sesuatu tempat. Manakala penjarahan pula ialah perbuatan merampas milik orang lain.

Penjajahan politik pada abad ke-18 dan 19 berlaku apabila negeri-negeri umat Islam meminta bantuan Barat menyelesaikan masalah perang saudara, lanun, perluasan pengaruh dan seumpamanya. Penguasaan politik ini kemudiannya memberi ruang kepada mereka untuk menguasai ekonomi umat Islam, menyebarkan budaya Barat dan agama mereka kepada umat Islam tanpa perlu memberikan tekanan yang kuat. Abad ke-20 dan 21 ini menyaksikan umat Islam menghadapi tekanan dan ancaman penjarahan daripada Amerika Syarikat, Zionis dan Barat. Kebebasan umat Islam untuk berpolitik secara adil dalam negara sendiri dirampas seperti

di Algeria, Mesir dan Turki. Tekanan politik mesti dicetuskan sama ada atas nama keamanan seperti di Iraq dan Somalia, atau atas nama memerangi keganasan seperti di Afghanistan dan Syria. Politik yang menjaga kepentingan Kristian dan Yahudi mesti dijaga seperti di Timor Leste dan Palestin, manakala politik yang memihak kepada Islam mesti diabaikan seperti di Bosnia, Chechen, Kashmir dan Rohingya. Amerika dan Barat terkenal sebagai pejuang liberal demokrasi yang menaungi negeri yang dizalimi tetapi hanya untuk sesama bukan Islam sahaja. Adapun bagi negara umat Islam, mereka adalah penjarah yang merampas keadilan politik umat Islam dalam negara dan tanah air sendiri (al-Qaradhawi, 2000).

Menurut al-Qaradhawi (2000) lagi, ekonomi umat Islam dan sumbernya seperti minyak, timah, emas dan seumpamanya dirampas dengan cara diplomasi dan juga kekerasan. Pelbagai akta ekonomi dunia diperkenalkan kepada negara-negara umat Islam dengan momokan perjanjian perniagaan serantau, perdagangan bebas, sistem perbankan dan pinjaman yang adil, sedangkan keuntungan banyaknya mengalir ke kantung para penjarah. Aspek budaya juga menjadi agenda Barat dan Amerika untuk menjarah umat Islam. Aspek budaya berisi akhlak Islam dirampas dan dijarah oleh Amerika dan Barat dan menggantikannya dengan budaya kepenggunaan ala Barat, budaya bebas, budaya seks, budaya songsang, budaya tatbi' dan lain-lain lagi. Demikian juga budaya agama umat Islam mahu dirampas dan ditukarkan kepada agama Kristian dan Yahudi. Gerakan kristianisasi yang tersebar di seluruh dunia hari ini mengiyakan kesungguhan dan tekad kristianisasi mahu mengkristiankan umat Islam sebagaimana yang dimahukan oleh Zionis dan Barat.

Penutup

Ideologi moden adalah fahaman yang telah dicetuskan oleh Barat terutamanya semasa zaman Renaissance. Ideologi moden dilihat sebagai satu serangan halus yang dihasilkan oleh Barat bagi menghakis keyakinan umat Islam terhadap ajaran Islam yang sebenar. Ideologi moden merupakan salah satu ancaman bagi umat Islam yang akan terus melemahkan mereka disebabkan mereka sendiri yang meninggalkan agama kerana terikut dengan ideologi moden ciptaan Barat. Serangan ideologi moden yang dilancarkan oleh Barat terhadap umat Islam sangat hebat dan terancang. Serangan ini telah melalui tiga peringkat iaitu peringkat kelahiran, peringkat kematangan dan peringkat penjarahan. Peringkat-peringkat ini merupakan peringkat serangan ideologi kepada umat Islam dalam usaha menjauhkan umat Islam daripada ajaran Islam yang sebenar. Justeru, umat Islam seharusnya sedar dan segera kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dengan mendalami ilmu agama agar dapat mengelakkan diri dari terjebak dengan ideologi moden ciptaan Barat yang membawa kekacauan fahaman secara halus dan berstrategi.

Penghargaan

Terima kasih dan sekalung penghargaan diucapkan kepada pihak Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) di atas dorongan dan kerjasama yang telah diberikan dalam penghasilan artikel ini.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim.
- A. Muin, U. (2012). *Orientalisme dan Studi Tentang Islam*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Abdul Karim, O. (2013). *Kristianisasi dan Dakwah Halus yang Menyerap Ummat: Suatu Fakta. Wacana Pemantapan Akidah: Mendepani Isu Kristianisasi, Syiah dan Liberalisme Peringkat Negeri Selangor*.
- Abdul Malik, A. A. (2017). *Tafsir al-Azhar*. Batu Caves: PTS Publishing House.
- Al-‘Aqiqi, N. (2017). *Al-Mustashriqun*. Al-Qaherah: Dar al-Ma‘arif.
- Al-Bukhari, M. I. (2016). *Sahih al-Bukhari*. Karachi: Maktabat al-Bushra.
- Al-Juhani, M. H. (1418H). *Al-Mawsu‘ah al-Muyassarrah fi al-Adyan wa al-Madhahib wa al-Ahزاب al-Mu‘asirah*. Al-Riyadh: Dar al-Nadwah al-‘Alamiyyah.
- Al-Makin. (2015). *Antara Barat dan Timur: Batasan, Dominasi, Relasi dan Globalisasi*. Jakarta: Serambi Ilmu Semesta.
- Al-Muqaddam, M. I. (2015). *Basa’ir fi al-Fitan*. Iskandariyah: Dar al-‘Alamiyyah.
- Al-Nadawi, A. H. (2016). *Madha Khasira al-‘Alam bi Inhitat al-Muslimin*. Dimasq: Dar al-Qalam.
- Al-Qaradhawi, Y. (2000). *Al-Muslimun wa al-‘Awlamah*. Beirut: Dar al-Tawzi‘ wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- Ensiklopedia Britannica. (2010). Chicago: Encyclopedia Britannica Inc.
- Hasan, H. (2013). *Pemikiran Orientalis Terhadap Kajian Tafsir Hadis*. Indonesia: Jurnal Addin, Institut Agama Islam Negeri (IAIN).
- Mahmud, H. Z. (2001). *Al-Islam fi al-Fikr al-Gharbi*. Dimasq: Dar al-Qalam.
- Mohd Fikri, C. H. (2017). *Awas Ancaman Orientalis Terhadap Kita*. Kuala Lumpur: Karangraf Sdn. Bhd..
- Mohd Ederi, C. N. & Engku Zarihan, E. A. (2017). *Ancaman Hedonisme Terhadap Remaja Islam Di Malaysia*. Selangor: Jurnal Darul Quran JAKIM.
- Mohd Yusri, I. (2019). *Sekularisme: Faktor, Penyebaran Dan Langkah Mengatasinya Dari Sudut Pandang Islam*. International Journal of Humanities, Philosophy and Language.
- Noresah, B. (2010). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman, N. (2011). *Sejarah Pemikiran 1: Sumber Ilmu, Perbandingan Ideologi dan Orde Baru Dunia*. Selangor: Perniagaan Jahabersa.
- Sulaiman, N. (2013). *Sejarah Pemikiran 2: Akal dan Wahyu, Manhaj Ahli Sunnah, Muktaẓilah dan Modenisme*. Selangor: Perniagaan Jahabersa.
- Zakaria, D. (2015). *Ideologi Moden dan Pemikiran Islam: Satu Perbandingan*. Prosiding Seminar Pemurnian Akidah 2015 Peringkat Negeri Kelantan.